

~ MENGENALI ADAT ISTIADAT SUKU PEPATIH ~

SUSUNAN PERATURAN ADAT MEMINANG DAN ISTIADAT NIKAH
KAHWIN ELAT BUATAN BUAPAK

<SMALL>Di susun Oleh:

DATO' JOHAN RAZALI BIN ABD. KHALID DNS. PMC.

SUSUNAN PERATURAN ADAT MEMINANG

Yang menjalankan Pekerjaan Adat Meminang.

Adalah Buapak bagi anak buah lelaki yang meminang
dan Buapak perempuan yang kena pinang.

Tempat Upacara Adat Meminang Diadakan

Biasanya di rumah ibu dan bapa perempuan yang
dipinang.

Cara-Cara Adat Meminang Dimulakan

Mula-mulanya sekali Buapak anak buah lelaki yang
meminang mengangkat dua belah tangan dan menyusun
jari yang sepuluh lalu ia berkata :

"Ampun Dato"

Bukan sombah sebarang sombah

Burung gelatuk di dalam sangkar

Tompek minumnyo diuboh cawan

Dato' Dato' Tuan Tuan dan Puan Puan

Santaplah sirih di dalam puan'

Lalu ia mengulurkan tepak sirih kepada Buapak anak
buah perempuan yang dipinang, diambalnya dan terus
bersalam. Dan selepas itu pula Buapak anak buah
perempuan yang dipinang mengulurkan tepak sirih
kepada Buapak lelaki yang meminang, dan terus
diambalnya lalu bersalam. Maka sebelum Buapak anak
buah perempuan yang dipinang hendak membuka tepak
sirih Buapak lelaki yang meminang, maka ia pun
mengangkat dua belah tangan dan menyusun jari yang
sepuluh :

` Ampun Dato`

Setolah duo tekan

Tekan mari di ateh mejo

Sirih Dato' sayo makan

Kerana membicara adat dan pusako.

Lalulah kedua Buapak tadi membuka tepak sirih masing-masing sembahkan tadi dibuka dan dimakannya dan kemudian barulah diedarkan kepada anak-anak buah dan orang-orang semenda yang turut hadir di majlis itu. Maka setelah itu Buapak anak buah lelaki yang meminang itu bercakap :

` Ampun Dato`

Adat bopangkal kobumi,

Dan bopucuk kolangit,

Mengaji pado alif,

Berbilang pado eso,

Di maso zaman yang tolah boedar Dan musim yang tolah boalih ini,

Di mano adat telah tertontu dan Bilang yang tolah teratur,

Alam berajo,

Luak berundang,

Lembago berlengkong,

Suku bertuo,

Anak buah boibu bapak (Buapak),

Orang semondo kotompek mondo,

Sudah pulak mengadakan anak,

Sohari ado sohari bernama,

Sohari boutang kopada mak bapa,

*Utang di atas onam porkara,
Potamo kerat pusat,
Koduo - membayar upah bidan,
Kotigo - mencukur rambut,
Koompek - sunat rasul,
Kolimo - diserahkan mongaji,
Koonam - monikah, utong adat dongan hukum,
Bilo anak lelaki sudah tamat mengaji,
Yang kocil sudah pun bosar,
Teraku pulak hondak boumahtangga,
Lalu dijalankan resek dunai,
Antaro kadim dongan kadim,
Sobontok cincin tanyo,
Kok sah sokata menjadi,
Kok tidak ado sah sokato dikembalikan,
Dan cincin dipulangkan,
Kok sah sekato menyampailah kepada Buapak masing
masing untuk menjalankan adat mominang,
Cincin diikek janji dibuek,
Janji adat tujuh hari, kodim janji tigo hari Laung janji
duo kali tujuh hari,
Cacat chela di dalam janji,
Sawan gilo diluar janji,
Helah lelaki luchor dan helah perempuan gando,
Di dalam janji digadoh gadohkan,
Bilo sampai janji hondaklah ditopati,*

Oleh itu maka inilah tando rupa adat

Dan pusako anak buah lelaki saya meminang,

Anak buah perempuan Dato',

**Maka lalulah pula Buapak anak buah perempuan yang
dipinang itu menjawab :-**

'Ampun Dato'

Bak kato dato' tadi,

Zaman tolah berubah dan musim yang tolah beralih,

Hidup soperti bak lopak bak sawah,

Bak ung bak durian,

Adat tolah botentu bilang tolah toratur,

Alam berajo,

Luak berundang,

Lembaga berlengkong,

Suku bertuo,

Anak buah boribu bapak (Buapak),

Di dalam anak buah,

ado yang lelaki dan ado yang perempuan,

Bilo yang lelaki telah pulang dan tamat mengaji,

Dan yang perempuan pula telah pandai mengait,

Yang lelaki dicarikan untung pertamo,

Dan yang perempuan pula dinantikan nasib,

Jodoh pertemuannyo yang lelaki,

Dijalankan risik dan duai pekerjaan,

Antaro kadim dongan kadim sobontuk cincin tanya,

***Jika sah sokato menjadi dan jika tidak sah sekato
dikembalikan dan cincin dipulangkan,***

***Kok sah sekato monyampailah kepada Buapak masing
masing,***

***Kok hari dibilangkan kok masa pun ditontukan, Bagi
membuat adat meminang cincin diikat janji dibuat,***

***Janji adat tujuh hari, kadim janji tiga hari, Laung janji
dua kali, janji tujuh hari,***

***Cacat cholo dalam janji, sawan gila diluar janji, helah
lelaki lunchor dan helah perempuan ganda dan ditengok
kepada hukum tiada pula menghalang,***

***Begitu juga pada adat tiada pula yang boleh
menghambat ,***

***Jadi dongan itu maka sayo torimolah tando rupo adat
dan pusako peminang anak buah lelaki Dato'.***

Sudah ditentukan janji hari untuk menyatu bagi kedua-duanya yang telah bertunang. Oleh itu maka Buapak anak buah lelaki yang telah bertunang itu hendaklah bertanya kepada Buapak perempuan yang ditunang itu :-

- a. Mas kahwin perempuan yang ditunang.**
- b. Belanja hangus yang diminta oleh pihak**
- c. keluarga perempuan yang ditunang.**
- d. Wang bayar upah nikah.**
- e. Wang rompak pintu.**
- f. Wang masuk khariah.**
- g. Wang adat untuk Buapak.**

**Maka barulah selesai adat meminang, dan lalu dibaca
doa selamat.**

**Peraturan Susunan Istiadat Perkahwinan Anak
Perempuan, Elat Buatan Buapak**

(Lamanya satu hari sahaja, buat hari habis hari.)

Tugas Ibu Bapa

Mula mula sekali mendapat hendaklah mendapat waris sekadim bagi Ibu dan tempat menda kedim bagi bapa. (iaitu Abang yang tua), kerana ialah `Getting yang memutuskan dan liang yang menebuk bagi keluarga perempuan yang akan berkahwin.

Untuk memutuskan :-

- a. Hari kayu berakar atau hari bekerja buat
- b. Hari melangsungkan perkahwinan

Bila sudah putus barulah kedua ibu dan bapa pergi mendapatkan Buapak suku warisnya dengan bertepak sirih. Dan lalu memberitahu hari kayu berakarnya dibuat pada sekian hari bulan dan hari perkahwinan pada sekian hari bulan. Dan Buapak Suku Warisnya pun mengarahkan kepada dua ibu dan bapa anak perempuan yang hendak melangsungkan perkahwinan itu supaya menjemput :-

- a. Anak anak buah suku warisnya.
- b. Orang lelaki dan perempuan.
- c. Jiran jiran sekampung.

Supaya datang ke rumah ibubapa perempuan yang akan berkahwin itu dengan diberitahu hari yang ditetapkan. Dato` Lembaga Suku Warisnya adalah diberitahu dimaklumkan oleh Buapak Suku dan ibubapa perempuan yang akan berkahwin itu :-

Bak kata perbilangan :-

Pado Buapak kata putus

Pado Lembaga kata penghabis

Hari Kayu Atau Hari Bekerja Buat

Adalah merupakan satu hari gotong royong bagi suku waris perempuan yang akan berkahwin itu untuk persediaan bagi hari perkahwinannya yang akan berlangsung seperti yang dikata di dalam perbilangan adat :-

Dilengkong Kampong nan bosudut

Di tanggo nan berkata

Dibetulkan rasok pelancar

Ditahan rasok melintang

Ditatang lantai nan sobolah

Ditutup atap nan selayar

Diarak kayu panjang

Terhampar rupanya kasau

Tersirat tabir layar

Terkuit bunyi pintu

Tampak terdiri tiang tengah

Maka setelah selesai pekerjaan kayu berakar, waris lelaki yang sekadim pun menjemput Buapak Suku Warisnya naik ke rumah iaitu diserambi lalu didudukkan dipangkal serambi, bagi anak anak buah suku warisnya yang lelaki begitu juga orang orang semenda lelakinya didudukkan kiri kanan serambi rumah, manakala anak anak suku waris yang perempuan dan orang orang semenda perempuan didudukkan tengah rumah ibu bapa anak perempuan yang akan dikahwinkan itu. Maka waris sekadim pun bangun mendapatkan buapaknya dengan mengangkat dua belah tangan dan menyusun jari nan sepuluh lalu berkata :

'Ampun Dato'

Pada hari nan sehari ini dan

Sehinggalah solosai Elat jamuan

Yang akan dibuek

Mako sayo pulangkanlah kepada

Dato' untuk membuek pekerjaannyo.

Waris sekadim mengulurkan tepak sirih kepada Buapak Suku Warisnya yang akan membuat Elat dan terus bersalam.

Setelah Waris Nan kadim memulangkan pekerjaan bagi membuat Elat jamuan nikah kahwin yang hendak diadakan kepada Buapak Suku Warisnya. Maka barulah Buapak mengambil tahu tentang hal pekerjaan Elat jamuan yang akan dibuat itu nanti dengan terus berunding bersama sama anak buah lelaki perempuan Suku Warisnya dan juga termasuklah orang orang semenda lelaki serta perempuan yang hadir pada hari kayu berakar atau hari bekerja buat yang diadakan pada hari itu :-

1. Lauk pauk (kambing sudah tentu untuk adat) seperti daging lembu, kerbau dan juga barang barang yang lain untuk keperluan yang hendak dimasak bagi Elat jamuan itu nanti.

2. Mengambil tahu tentang anak anak buah lelaki perempuan serta orang orang semenda lelaki serta perempuan yang hendak menanam bagi elat jamuan seperti gula, beras, beras pulut, minyak dan lain lainnya lagi untuk majlis perkahwinan itu.

3. Kain kain tabir langit langit serta sampaian yang hendak digantung dipangkal serambi dan di tengah rumah.

4. Empat tudung hidang yang menutup dulang lauk pauk bagi hidangan :

a. Y.M Dato' Lembaga Tiang Balai Kawasan

b. Y.M. Dato' Dato' Waris Undang (Klana)

c. Y.M Dato' Dato' Lembaga Suku

d. Buapak Buapak

e. Pegawai Pegawai Masjid

f. Ibu Soko Waris duduk di tengah rumah

Jika YTM Dato' Klana Petra Undang Luak Sungai Ujong dan Yg. Bhg. Toh Puan dijemput hadir ke majlis istiadat perkahwinan buatan Buapak, maka hendaklah disediakan dulang tinggi untuk lauk pauk santapannya dan ditutup dengan tudung hidang. Dan hendaklah juga disediakan semorit untuk tempat pinggan nasi santapannya.

**Yang Ditentukan Oleh Adat Bagi Menjemput Tetamu Elat
Buatan Buapak**

- i. 1. Bagi menjemput YTM. Dato' Klana Petra Undang Luak Sungai Ujong dan Yg. Bhg. Toh Puan adalah Buapak yang empunya elat bersama dengan anak buah perempuan Suku Warisnya bertepak sirih.
- ii.
- iii. 2. Y.M Dato' Lembaga Tiang Balai (YM. Dato' Andika Mandulika) yang setaraf dengannya adalah Buapak yang empunya Elat bersama dengan anak buah perempuan suku warisnya dengan bertepak sirih.
- iv.
- v. 3. Y.M Dato' Lembaga Waris Undang (Klana)

Y.M Dato' Johan

Y.M Dato' Maharaja Lela adalah orang semenda lelaki bagi Buapak yang empunya Elat bertepak sirih

Begitu juga bagi menjemput Dato' Lembaga Suku Buapak empunya Elat dan lain Y.M Dato' Dato' Lembaga Suku dan Pegawai Pegawai Masjid, adalah dijemput orang semenda lelaki yang empunya Elat bertepak jua.

- *Jemputan Bagi Ramai*
- Adalah anak anak buah perempuan suku Waris yang empunya Elat dan orang orang semendanya.

Buapak Elat Jamuan Hendaklah Juga Menentukan :

Bagi anak anak buah yang menating di dalam Elat jamuannya.

Anak anak buah perempuan suku waris dan orang orang semenda perempuannya yang menating hidangan perempuan perempuan jemputan khas yang duduk di tengah rumah.

Anak anak buah lelaki dan orang orang lelakinya yang menating hidangan bagi Y.M

**Dato' Dato' Lembaga, Buapak Buapak dan
Pegawai Pegawai Masjid yang hadir.**

**Anak anak buah yang menating hidangan di
tempat duduk lelaki dan perempuan
perempuan dalam khemah.**

**Buapak Elat jamuan mestilah juga tahu bila waktu
berulur jawat dengan Buapak disebelah pengantin lelaki
dan menerima adat dan pusaka, dan juga akad nikahnya.**

**Dan Buapak Elat hendaklah juga tahu waktu langsung
Elat.**

**Jika Y.T.M Dato Klana' Petra Undang Luak Sungai Ujong Dan YG. BHG.
Toh Puan Hadir Di Dalam Majlis Istiadat Elat Buatan Buapak**

**Ket'baan YTM. Dato' Klana Petra Undang Luak Sungai
Ujong hendaklah disambut oleh :-**

- Buapak Elat
- Ibu dan Bapa Pengantin Perempuan

**Dan buapak Elat hendaklah mengiringkan YTM Dato' Klana Petra
Undang Luak Sungai Ujong dan Yg. Bhg. Toh Puan, YTM Dato' Klana
Petra Undang Luak Sungai Ujong didudukkan di atas tilam pandak di
pangkal serambi dan Yg, Bhg. Toh Puan didudukka di tengah rumah.
Bila YTM. Undang Dato' sudah tersels duduk di atas tilam pandak,
maka Buapak yang empunya Elat hendaklah menghulurkan tepak
sirih dengan melapaskan kata :-**

`Ampun YTM. Undang Dato'

Silokanlah untuk santapan

Sirih yang sehelai, kok pinang yang sekacip

Kok kapur yang secolek, kok gambir yang secubit

Ampun Undang Dato'

**Yang mempersilakan YM. Dato' Lembaga Tiang Balai, Y.M Dato' Dato'
Lembaga Waris Undang (Klana) Dato' Dato' Lembaga Suku, Buapak
Buapak dan Pegawai Masjid adalah juga Buapak Empunya Elat
bersama Ibu dan Bapa Pengantin.**

Adat Dan Istiadat Pelasong Elat Buatan Buapak

Istiadat ini akan dijalankan setelah pengantin lelaki datang ke rumah pengantin perempuan lalu diarak bersama selepas itu diduduki kedua-dua pengantin itu di atas pelamin dan dimintalah supaya :-

YTM. Dato' Klana Petra Undang Luak Sungai Ujong menepung tawarkan.

YG. Bhg. Toh Puan

Y.M Dato' Dato' Lembaga dan Buapak berbuat seperti YTM. Undang Dato' Klana Petra mengikut giliran masing masing.

Makan nasi suapan suapan dan setelah itu selesai, dan hidangan bagi YTM. Dato Klana Petra, Y.M Dato' Lembaga Tiang Balai, Y.M Dato' Dato' Lembaga Suku, Buapak Buapak dan Pegawai Masjid diserambi dan Yg. Bhg. Toh Puan dan Ibu Ibu Suku Waris Negeri di tengah rumah. Bilakala semuanya sudah siap maka Buapak yang empunya Elat lalu berkata :

Ampun YTM. Undang, YM. Dato' Dato' Lembaga

Buapak Buapak dan Tuan Tuan Pegawai Masjid

Maka dipersilakanlah santapan yang ada

Iaitu kok air yang setogok, kok lauk nan secubit

Kok kuah nan sesudu, kok nasi nan sesuap

Ampun YTM, Undang Dato'

Setelah jamuan Elat Pelasong diadakan maka selesailah Elat buatan Buapak yang diadakan pada hari itu.

Kata Perbilangan Adat Bagi Menerima Adat Dan Pusaka Bagi Buapak Anak Buah Di Sebelah Perempuan.

Ampun Dato'

`Setekan dua tekan mari di atas meja

Sirih Dato' saya makan bagi membicara

Adat dan Pusaka'

`Kok mengaji kepada alif'

Kok berbilang pada esa'

Kok bercakap kepada pangkal

Kok zaman sudah pun berubah

Kok musim telahpun beralih

Adat pun sudah bertentu,

Bilangannya pun sudat teratur

Alam sudah beraja

Luak pun sudah berundang

Lembaga berlengkongan

Suku bertua

Anak buah beribu bapa (Buapak)

Kok Dagang tempatan

Perahu bertambatan

Di dalam anak buah ada lelaki dan ada yang perempuan

Utang ibu bapa kepada anak perempuan enam perkara :-

Pertama kerat pusat

Membayar upah bidan

Suat Rasul

Tindik daieng

Kelima diserahkan mengiat

Keenam nikah

Utang adat dengan hukum

Bila perempuan sudah pandai meyulam kain

Dan bila lelaki sudah katam mengaji
Yang lelaki dicari cari untung pertemuan
Yang perempuan pula dinanti nantikan untung pertemuannya
Yang lelaki dijalan resek duai
Antara kadim dengan kadim
Sebentuk cincin tanya
Kok sah sekata menjadi
Kok tidak sah sekata kata dikembalikan
Dan cincin dipulangkan
Kok sah sekata
Menyampailah kepada buapak masing masing
Pada buapak kata putus
Kepada lembaga kata habis perbuatan habis
Cincin diikat janji dibuat
Janji adat tujuh, laung janji dua kali tujuh hari
Dan kadim janji tiga hari
Helah perempuan ganda dan jika helah lelaki pula lunchor
Di dalam janji digaduh gaduhkan
Bila sampai janji ditepati ada untung pertemuan dinikahkan
Sah utang dibayar dan sah piutang diterima
Cacat tidak gila tidak pada hari nan sehari ini maka
Saya terimalah piutang adat dan pusaka bagi anak buah
Perempuan saya daripada Dato'
Ampun Dato'

Sebelum Elat dipasang dalam tempoh satu minggu lagi maka Buapak yang empunya elat hendaklah memastikan semua perkara perkara yang hendak dipakai pada hari istiadat semuanya sudah lengkap. Kalau didapati tidak lengkap maka hendaklah diadakan kerapatan bagi anak bauh suku warisnya. Bagi merundingkan hal perkara Elat yang hendak dibuat.